



|            |   |
|------------|---|
| Headline   | Agenda teknologi hijau dalam sektor pembinaan perlu diperluas |
| MediaTitle | Berita Harian   |
| Date       | 12 Jul 2017   |
| Section    | Letters   |
| Page No    | 35  |
| Language   | Malay   |
| Journalist | N/A   |
| Frequency  | Daily   |



## Agenda teknologi hijau dalam sektor pembinaan perlu diperluas

**Dunia** semakin sedar kepentingan teknologi hijau dan mengguna pakai produk hijau. Ekonomi hijau Malaysia dijangka berkembang dengan lebih rancak, meskipun pertumbuhan ekonomi sederhana, dengan penyertaan peserta baharu dan pembangunan hijau yang disokong oleh kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan peniaga dan orang awam.

Industri teknologi hijau berkembang apabila lebih banyak sektor terus terbahit dalam pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar.

Ekonomi hijau terus diberikan tumpuan dan digalakkan oleh kerajaan Malaysia kerana negara komited untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida menjelang 2020. Ekonomi hijau bakal menjadi teras utama strategi pertumbuhan kerajaan dengan pelaksanaan pelbagai peraturan, seperti tarif galakan dan tumpuan projek penukaran kepada tenaga elektrik di kawasan luar bandar.

Berdasarkan kaji selidik Schneider Electric Inspiration, masa depan penggunaan teknologi hijau kelihatan cerah dan peniaga berminat melabur dalam penyelesaian yang cekap tenaga dengan 79 peratus responden menyatakan bahawa mereka akan menerapkan kecekapan tenaga dalam operasi perniagaan mereka.

### Kos jadi halangan

Rakyat Malaysia menyedari teknologi hijau baik untuk planet ini dan menguntungkan, tetapi kosnya masih menjadi halangan.

Ternyata Malaysia berada pada landasan positif untuk menjadi ekonomi hijau. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang terbahit dalam teknologi hijau lebih dari 10 tahun lalu bersetuju bahawa agenda teknologi hijau dalam sektor pembinaan Malaysia adalah penting terus dikembangkan.

Menurut CIDB, pengiktirafan dan ketersediaan teknologi hijau dari segi produk, kelengkapan, dan sistem menjadi tanggungjawab semua peserta dalam rantaian nilai pembinaan, di samping menjadi harapan dan as-

pirasi badan itu untuk melihat minat dan penekanan, terutama dalam bahagian amalan terbaik dan pilihan yang diteruskan oleh komuniti pembinaan.

Amalan hijau dan penggunaan teknologi hijau dari sudut pembinaan adalah signifikan dan digalakkan kepada orang ramai dan penggiat industri.

Amalan ini menggariskan kepentingan alam sekitar dalam teras strategiknya, iaitu berusaha mencapai standard tertinggi dari segi kualiti, keselamatan, kesihatan pekerja dan amalan baik alam sekitar.

Pada 2010, CIDB menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Amalan Terbaik Teknologi Hijau dalam Industri Pembinaan yang terdiri daripada jabatan kerajaan, badan profesional, ahli akademik dan persatuan yang berkaitan dengan industri pembinaan.



**Nur Nadia Mustakim,**  
Bachelor Komunikasi  
Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Putra Malaysia



**Perpustakaan Negeri Sabah** yang berkonsepkan 'bangunan hijau.'